

CNS7971

R GB 04-02 00197 BH778

aab

Mahathir-keselamatan

KEMAJUAN EKONOMI AKAN MUMBERI KEAMANAN YANG BERPANJANGAN, KATA PM

Daripada Azman Ujang

I

MANILA, 3 Feb (Bernama) -- Kemajuan ekonomi akan membawa keamanan yang berpanjangan di rantau Asia Tenggara dan bukannya pakatan ketenteraan, kata Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Negara-negara tidak perlu bimbang mengenai keselamatan mereka tergugat oleh kuasa luar atau ditakluki oleh negara lain tetapi sebaliknya perlu memberikan tumpuan kepada memajukan ekonomi, katanya pada persidangan akhbar bersama dengan Presiden Fidel Ramos di Istana Malacanang, di sini.

Ketika menjawab satu soalan mengenai kaedah yang diambil Malaysia dan Filipina untuk menyelesaikan tuntutan bertindih terhadap sebahagian kepulauan Spratly di Laut China Selatan, Dr Mahathir mengulangi bahawa negara-negara Asean tidak akan berperang sesama sendiri hanya semata-mata kerana perselisihan sempadan berbanding dengan negara lain.

"Saya tidak percaya kepada peperangan atau mewujudkan pasukan tentera yang kuat. Jika semua negara mementingkan kemajuan ekonomi, setiap negara akan mempunyai kepentingan untuk memastikan keselamatan dan kestabilan masing-masing dan ini merupakan jawapan kepada keamanan yang berpanjangan di rantau ini," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau tidak mahu menganggap sesetengah negara sebagai musuh, sebaliknya melihat mereka sebagai rakan. -- Lagi

▼04/02/00-17MST

R GB 04-02 00157 BH779

aab

Mahathir-keselamatan 2 Manila

Menyentuh mengenai tuntutan kedua-dua negara terhadap kepulauan Spratly, Dr Mahathir mendetuskan gelak-ketawa daripada hadirin apabila berkata: "Kami tidak berperang, sekurang-kurangnya kami tidak melawat antara satu sama lain."

Beliau merujuk kepada situasi di mana pemimpin kedua-dua negara tidak melawat satu sama lain sehingga Presiden Ramos mengadakan lawatan ke Kuala Lumpur pada tahun lepas dan Dr Mahathir membuat kunjungan pada masa ini.

"Saya tidak fikir masalah keselamatan boleh diselesaikan dengan mempunyai kekuatan tentera di rantau ini," katanya.

Presiden Ramos mencelah dengan berkata kedua-dua negara sudah bersetuju untuk menyelesaikan masalah sempadan secara aman.

Menurut Dr Mahathir, jika sesebuah negara menganggap negara lain sebagai musuhnya di masa depan, besar kemungkinan negara itu dianggap sebagai musuh pada masa ini.

Sebaliknya, pendekatan secara baik akan menghasilkan suasana berbaik-baik antara negara, dan beliau menambah: "Kini tidak ada lagi negara menakluki negara lain kerana konsep ini sudah lapuk." -- Lagi

▼04/02/00-28MST

aab

Mahathir-keselamatan 3 (Akhir) Manila

Baqaimanapun, jika sebuah negara itu terus miskin, ia mungkin berfikir untuk menverang negara lain untuk mendapatkan kekayaan negara tersebut, katanya.

"Tetapi jika kesemua negara maju, mereka akan mempunyai kepentingan untuk melihat wujudnya kestabilan di rantau ini tanpa menggunakan peperangan sebagai jalan keluar supaya ianya dapat menjamin perkembangan ekonomi dan perdagangan mereka," katanya.

Malah kenyataan yang negara memerlukan kestabilan untuk berdagang akan membuat mereka sedar betapa perlunya dielakkan konflik.

Perdana Menteri berkata keadaan itu kini berlaku di Asia, dengan memetik contoh pelaburan Jepun di Malaysia telah membantu Malaysia maju, dan rakyat Jepun juga turut meraih hasil lumayan daripada pelaburan itu.

Ini adalah juga satu sebab kenapa kerajaan Malaysia menggalakkan usahawan tempatan melabur ke luar negara supaya mereka mempunyai kepentingan untuk memastikan keamanan dan kestabilan diwujudkan di rantau ini bagi melindungi pelaburan mereka. -- Bernama.

AU AKD

▼04/02/00-33MST